



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN

PELAN STRATEGIK PEMBIAKBAKAAN TERNAKAN MALAYSIA,

PANDUAN PERMANIAN BERADAS RUMINAN BESAR,

KATALOG LEMBU PEJANTAN & APLIKASI MYFEED

13 SEPTEMBER 2024 | DEWAN A, MAEPS, SERDANG

SERDANG, 13 September- Yang Berusaha Dr. Suratan bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan) hadir merasmikan Majlis Pelancaran Pelan Strategik Pembiakbakaan Ternakan Malaysia, Panduan Permanian Beradas Ruminan Besar, Katalog Lembu Pejantan & Aplikasi Myfeed hari ini bertempat di Dewan A, MAEPS, Serdang, Selangor.

Penerbitan dan aplikasi yang dihasilkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ini bertujuan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada semua pemain industri dan pihak yang terlibat iaitu:

1.1 Pelan Strategik Pembiakbakaan Ternakan Malaysia bertujuan meningkatkan kecekapan pengeluaran ternakan dan mensasarkan pengurangan kebergantungan ke atas pengimportan ternakan dan hasilan ternakan serta jaminan sekuriti makanan berdasarkan ternakan untuk jangka masa panjang.

1.2 Panduan Permanian Beradas Ruminan Besar disediakan sebagai bahan rujuk juruteknik dan jurusuntik permanian beradas DVS dan persendirian serta pelajar yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pembiakbakaan di lapangan.

1.3 Katalog Lembu Pejantan menyenaraikan semen beku baka tulen terpilih yang terdapat di Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) dan boleh dijadikan sebagai rujukan pemegang taruh khususnya penternak untuk membiakkan lembu mereka menggunakan teknologi permanian beradas

1.4 Aplikasi *MyFeed* merupakan satu platform mudah alih (seperti telefon pintar dan tablet) untuk mengira dan merancang ration makanan harian yang lengkap untuk haiwan ternakan yang mesra pengguna dan dapat membantu penternak mengira dan merancang ration makanan harian dengan lebih mudah dan cepat.

Industri ternakan ruminan di Malaysia merupakan satu industri yang penting sebagai sumber protein negara dan menjadi salah satu industri utama agromakanan negara. Ia juga menyediakan sumber pendapatan yang menguntungkan kepada semua pihak yang terlibat di sepanjang rantai nilai termasuk penternak, khususnya menerusi pengeluaran daging, susu dan produk hasilannya.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui DVS sentiasa komited memastikan tahap keterjaminan makanan negara stabil dan mampan selain meningkatkan hasil pengeluaran ternakan dalam negara.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
13 SEPTEMBER 2024**